

Tokoh AKSIS

milik Safwan

Oleh Noorumaina
Mohamed Yunus
bhvarsiti@bh.com.my

► Putrajaya

Pelajar program Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Safwan Hamdy dianugerahkan Tokoh Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS) USIM bersempena dengan Majlis AKSIS Ke-6, universiti itu, baru-baru ini.

Muhammad Safwan turut merangkul dua anugerah lain iaitu Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik dan Anugerah Tokoh Cemerlang Kepemimpinan Siswa.

Beliau dipilih berikutan pencapaian cemerlang dalam arena perdebatan dan aktif menyertai pelbagai pertandingan termasuk Debat Naib Canselor, Jemputan Nusantara dan Pertandingan Debat Bahasa Inggeris iaitu Debat Piala Diraja 2010.

Bagi Muhammad Safwan, anugerah itu mendorong dirinya untuk terus aktif mewakili universiti dalam pertandingan debat sekali gus membantu memantapkan kemahiran komunikasi dan kepemimpinan.

Pemimpin cemerlang

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa

“

AKSIS MERUPAKAN SIMBOLIK PENGHARGAAN UNIVERSITI ATAS KEJAYAAN PELAJAR MEMPAMER DAYA SAING DAN MOTIVASI YANG TINGGI DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM”

Prof Datuk Dr Musa Ahmad,
Naib Canselor.



Muhammad Safwan menerima trofi Tokoh AKSIS yang disampaikan ahli alumni USIM, Hidayah Omar.



Persembahan pelajar pada majlis AKSIS USIM.

Ahmad, berkata pembabitan pelajar dalam aktiviti luar dapat membina kemahiran insaniah sekali gus membentuk kualiti menjadi pemimpin cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing.

Katanya, AKSIS merupakan simbolik penghargaan universiti atas kejayaan pelajar mempamer daya saing dan

motivasi yang tinggi dalam aktiviti kokurikulum sekali gus melonjakkan nama universiti pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2013.

Anugerah lain yang turut dipertandingkan ialah Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik,

Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik.

Anugerah Pemimpin Program Sukan dan Rekreasi Terbaik, Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik, selain Anugerah Suka-relawan Terbaik, Anugerah Cemerlang Pencapaian Inovasi, dan Anugerah Cemerlang Pencapaian Kebudayaan.